

SUSULAN BH BONGKAR PENGHUNI 47 FLET, KONDO RISIKO MAUT

## Penghuni bertindak segera patuhi notis bomba

**Kuala Lumpur:** Pengurusan kondominium Sinaran TTDI sudah bertindak ke atas enam daripada lapan notis menghapuskan bahaya kebakaran dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam tempoh 30 hari selepas notis diterima 24 Februari lalu.

Dua lagi notis membabitkan pintu rintangan api rosak di tingkat 28 dan tingkat 22 kondominium itu akan dibaiki dalam masa terdekat selepas mesyuarat tahunan jawatankuasa penduduk meluluskan peruntukan itu, semalam.

Pengerusi Bangunan Sinaran TTDI, M Mahaletchumy, berkata majoriti notis dikeluarkan bomba untuk bangunan itu hanya membabitkan kesalahan kecil seperti lampu kecemasan dan petunjuk 'keluar' tidak menyala selain dua pintu rintangan api rosak.



Penghuni buat keputusan untuk baiki segera”

**M Mahaletchumy,**  
Pengerusi Bangunan  
Sinaran TTDI

Malah, katanya, notis dikeluarkan Balai Bomba dan Penyelamat TTDI selepas pihaknya sendiri meminta bomba memeriksa keselamatan bangunan itu bagi memastikan semua kelengkapan memadam kebakaran dan keselamatan bangunan pada tahap optimum.

### Baiki dalam tempoh sebulan

“Enam daripada lapan notis bomba itu dibaiki segera dalam tempoh sebulan, cuma pintu rintangan api belum dibaiki kerana peruntukan memerlukan persetujuan penghuni menerusi mesyuarat agung tahunan yang diadakan hari ini (semalam).

“Penghuni buat keputusan untuk baiki segera,” katanya kepada *BH* sambil menjelaskan laporan muka depan *BH* pada 17 Julai lalu menimbulkan kebimbangan kepada penghuni mengenai tahap keselama-

tan bangunan selain menjejaskan nilai hartanah itu.

“Kita sentiasa pastikan bangunan ini selamat, malah kita lakukan latihan keselamatan kebakaran sekali setahun, selain minta bomba periksa bangunan secara sukarela,” kata Mahaletchumy.

Isnin lalu, *BH* memaparkan senarai 40 pangsapuri, kondominium di Lembah Klang menerima notis bahaya kebakaran, malah ada menerima lebih 100 notis, termasuk dua blok pangsapuri di Pantai Dalam yang menerima 224 notis.

Tinjauan *BH* di pangsapuri di Pantai Dalam itu sehari selepas laporan dikeluarkan mendapati premis itu tiada alat pemadam api setiap tingkat, termasuk tingkat teratas yang juga kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta bomba.